

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT,
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN WONG HON WAI
(BUKIT BENDERA)**

TARIKH : 28 JULAI 2020 (SELASA)

SOALAN

Minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan kapasiti dan keupayaan Pangkalan Tentera Udara Malaysia di Butterworth, Pulau Pinang pada masa kini dan adakah pihak Kementerian akan meluaskan kapasiti dan keupayaan pangkalan tersebut untuk melindungi ruang udara Malaysia.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Pangkalan Udara Butterworth adalah merupakan salah satu pangkalan udara utama Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) yang menempatkan dua skuadron pesawat pejuang iaitu pesawat FA-18D Hornet dan pesawat Hawk 108/208, Skuadron Pertahanan Udara dan unit-unit bantuan.

Pangkalan Udara Butterworth turut dijadikan ibu pejabat Sistem Pertahanan Udara Bersepadu (*Integrated Air Defence Systems*) atau HQIADS di bawah Peraturan Pertahanan Lima Negara (*Five Power Defence Arrangements*) melibatkan Malaysia, Australia, Singapura, New Zealand dan United Kingdom.

Sehingga kini, Pangkalan Udara Butterworth mempunyai kapasiti serta keupayaan beroperasi secara aktif dalam memantau dan mempertahankan ruang udara negara daripada sebarang ancaman dan pencerobohan terutamanya dari sektor utara dan barat Semenanjung Malaysia. Pangkalan ini juga aktif di dalam pelaksanaan latihan dan operasi serta eksesais yang melibatkan negara-negara luar.

Pelan Pembangunan Keupayaan Jangka Panjang TUDM yang dikenali sebagai *Capability Development 55* (CAP 55) telah menggariskan perancangan pembangunan keupayaan yang bakal merubah sedikit sebanyak struktur ketumbukan (*Force Structure*) di Pangkalan Udara Butterworth. Perancangan ini bakal menyaksikan peningkatan kapasiti dan keupayaan Pangkalan Udara Butterworth di masa hadapan melalui pertambahan aset udara.

Terima kasih.